

B1

Dr. Mahathir

**MENGHADAPI
CABARAN**

59

1

PUSTAKA ANTARA




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

CABARAN!

Oleh
Dr. Mahathir Muhammad



1976



PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
Kuala Lumpur

PUSTAKA PERDANA



1000773

*Penerbitan Pustaka Antara
Jalan Tuanku Abdul Rahman
Kuala Lumpur*

- hak pengarang terpelihara -

Cetakan pertama 1976

*Printed by:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.,
No. 1, Jalan Sim pang,
Taman Overseas Union,
Kuala Lumpur.
Tel: 58835*

*IV
323.159
MAH*

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	IX
PENDAHULUAN	XI
BERPOLEMIK	1
“DILEMMA” PELAJARAN	5
BARAT DAN TIMUR	27
MATERIALISMA DAN KEROHANIAN	39
ORANG-ORANG MELAYU DAN PENGARUH KOMUNIS	61
SISTEM NILAIAN DAN ORANG MELAYU	69
ROHANIAN DAN CABARAN MODEN	81
INFLASI DAN REAKSI	91
<i>PRESSURE GROUP</i> DALAM DEMOKRASI	101
MEMILIK NEGARA PERUSAHAAN ASING	105
ORGANISASI DAN DISIPLIN	113
RASUAH	121
UMNO DAN PERPADUAN	133
KE MANA MALAYSIA	139



Bagi mengingati didikan
dan bimbingan Bapak dan
Ibuk juga guru-guru di
sekolah serta di rumah



15 hb. Jun 1976

KATA PENGANTAR.

Saya beruntung dapat membaca naskah-asli buku ini sebelum diterbitkan. Diminta pula kepada saya menulis kata pengantar ini.

Saya gembira pula melihat penulis buku ini berminat besar memahami Islam. Memang sepatutnya demikian. Islam bukanlah 'wakaf' buat segolongan kaum Muslimin saja. Tetapi tiap-tiap Muslim wajib mempelajarinya dan memahamkannya dengan sebaik-baiknya.

Ilmu-ilmu yang dianggap *secular* pun bukan pula 'wakaf' buat segolongan lain. Bibit-bibit ilmu itu, sebagaimana dinyatakan penulis buku ini, adalah berasal dari kaum Muslimin. Menurut Imam Al Ghazali ada yang Fardu Kifayah mempelajarinya, seperti Ilmu Perubatan, Mathematik dan sebagainya. Segala ilmu yang dapat mengawal kaum Muslimin dari keruntuhan dan kelemahan Fardu Kifayah mempelajarinya. Begitu menurut beliau [M. Ghazali].

Ulama-ulama Islam di zaman dahulu mengetahui kedua jenis ilmu itu. Imam Al Ghazali sendiri pun demikian. Cuma masing-masing mempunyai 'ikhtisas'.

Ketika datang penjajah ke negeri kita, sebagai yang dinyatakan penulis, bangsa Melayu belum sempat memperdalam ilmu-ilmu lain dari yang bersangkutan-paut dengan 'Aqidah dan 'ibadat langsung kepada Allah. Tiba-tiba Sains yang berasal dari kaum Muslimin itu dibawanya ke mari. Banyak bangsa kita menyangka bahawa itu adalah ilmu kafir. Sekolah pun terbahagi dua. Ada sekolah yang didirikan bangsa sendiri, pada umumnya hanya mempelajari soal-soal 'Aqidah dan 'ibadat secara langsung kepada Allah. Ada pula sekolah yang didirikan penjajah itu, yang hanya mengajarkan ilmu-ilmu yang dianggap *secular* itu saja. Jadi kaum terpelajar dari bangsa Melayu terbahagi dua pula. Ada yang menguasai ilmu-ilmu yang dianggap ilmu-ilmu agama saja dan ada pula yang menguasai Sains sahaja. Tetapi gerakan untuk menyatukan kedua jenis pengetahuan itu sudah lama gerakannya berjalan di rantau ini. Haji Agus Salim, Muhammad Natsir, Prof. Dr. Haji Ali Akbar dan lain-lain di Indonesia, pada mulanya belajar pada sekolah-sekolah yang dianggap *secular* itu. Tetapi mereka masing-masing merasa berkewajipan mempelajari Islam. Di samping mereka mengetahui beberapa bahasa Eropah mereka mempelajari bahasa Arab. Sehingga tidak kurang

pengetahuan Islamnya dari Ulama-ulama yang ada. Prof. Haji Ali Akbar menjadi Prof. di Fakulti Perubatan, Universitas Indonesia. Di samping itu beliau selalu membaca khutbah pada hari-hari Jumaat, menjadi imam sembahyang Tarawih pada bulan Ramadan dan memberi ceramah-ceramah agama.

Di Malaysia juga orang-orang yang berminat seperti itu tidak kurang. Kita kenal Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Rahman Yaakub dan penulis buku ini. Mudah-mudahan minat yang besar itu dirahmati Allah.

Saya tertarik pula kepada soal Melayu tidak terpisah dengan Islam, sebagai yang dinyatakan penulis dalam buku ini. Memang demikian. Tidak ada satu bangsa yang terikat benar 'identitinya' dengan Islam, sebagai bangsa Melayu.

Ikatan itu sudah sejak dahulu. Kesultanan Kota Pinang di Sumatera, sungguhpun Sultan berasal dari suku Mandailing dan kebanyakan rakyat berasal dari Mandailing dan Batak, namun Kesultanan itu digolongkan kepada Kesultanan Melayu. Orang tidak ingat lagi suku asalnya. Dirwayatkan kepada saya oleh K.H. Abdul Mu'ti, Ulama tua dari Jawa, bahawa Kerajaan Demak dahulu, sungguhpun berada di pulau Jawa, namun bahasa resminya adalah bahasa Melayu. Bahasa Melayu adalah bahasa Islam di rantau ini. Tulisan yang disebut tulisan Jawi di Semenanjung Malaysia, di Indonesia disebut tulisan Melayu. Orang tidak faham kalau disebut tulisan Jawi. Mungkin hanya di pondok-pondok diketahui nama itu. Jadi bangsa Melayu, bahasa Melayu dan tulisan Melayu berikat erat dengan Agama Islam.

Seorang yang asalnya Melayu, tetapi sudah keluar dari agama Islam bangsa apakah dia?

China bukan. India pun bukan. Apa lagi Jerman, Perancis atau Portugis.

Dengan terbitnya buku ini kita mengharap supaya kesedaran ini makin mendalam kepada kita. Mudah-mudahan penulis buku ini pun, begitu pula kita semua, kiranya selamanya mendapat pertolongan Allah, petunjuknya dan selamanya pula diliputi kasih sayangnya.

Mudah-mudahan.

Petaling Jaya, 1hb.Julai 1976.

Muchtar Lintang
Pensyarah Fakulti Pengajian
Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia.